



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

SK CBC RAPATKAN JURANG DIGITAL DAN TINGKATKAN TARAF HIDUP PENDUDUK

TENOM: 17 September, 2013 --- Pembukaan Pusat Jalur Lebar Komuniti SK Telecom (SK CBC) di Kuala Tomani hari ini mampu merapatkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar di negeri itu selain meningkatkan taraf hidup mereka.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek berkata, inisiatif oleh SK Telecom, syarikat telekomunikasi terbesar di Korea itu merupakan usaha penting ke arah keterhubungan internet bagi penduduk setempat selari keupayaan untuk mendapat akses kepada perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh kerajaan.

Tegas beliau, usaha murni sedemikian berupaya menyumbang kepada peningkatan kadar penembusan jalur lebar negeri Sabah yang berada pada tahap 55 peratus setakat Ogos 2013.

"Faedah yang diraih daripada ICT dan perkhidmatan jalur lebar sememangnya menjimatkan banyak masa, tenaga dan wang ringgit. Ia juga mampu menjadi pembina-upaya atau *enabler* ke arah kemajuan ekonomi sesebuah masyarakat," ujarnya.

Dalam pada itu, Dato' Sri Ahmad Shabery turut melahirkan harapan agar lebih banyak kisah kejayaan membabitkan individu yang berjaya menerusi perkhidmatan jalur lebar dan ICT seperti pengusaha rumpai laut Kabilah Hassan dapat diketengahkan.

Kabilah yang berasal dari Kunak, Sabah, tambahnya telah diiktiraf oleh YAB Perdana Menteri sebagai usahawan rumpai laut dalam talian yang berjaya melipatgandakan pendapatan beliau hasil penggunaan perkhidmatan jalur lebar di bawah program Pusat Internet 1Malaysia yang disediakan kerajaan.

Berpandukan kejayaan PI1M di bawah kendalian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), SK Telecom memperkenalkan teknologi terkini serta aplikasi kandungan bagi membolehkan penduduk di Kuala Tomani, khususnya golongan



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

muda dan pelajar untuk mendapat manfaat sepenuhnya daripada perisian berasaskan pendidikan, keusahawanan dan lain-lain lagi.

Sementara itu, Pengerusi SKMM, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi menjelaskan, keputusan SK Telecom untuk membuka Pusat Jalur Lebar Komuniti di Kuala Tomani dibuat selepas mereka merasa kagum dengan program-program latihan yang dijalankan di setiap Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) seluruh negara.

[TAMAT]

For Immediate Release

SK CBC BRIDGES DIGITAL DIVIDE AND UPLIFTS LIVING STANDARD OF RESIDENTS

TENOM: 17 September, 2013 --- The opening of the SK Telecom Community Broadband Centre (SK CBC) in Kuala Tomani today is another step towards bridging the digital divide between urban and rural folk apart from uplifting the standard of living of local residents.

Communications and Multimedia Minister, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek said, such initiative by SK Telecom, the biggest telecommunication company in Korea is an important effort towards internet connectivity for the local residents in line with being able to access the government's online services.

He stressed, the noble effort will contribute towards the improvement of the broadband penetration rate in Sabah which currently stands at 55 percent as at August 2013.

"The benefits that can be gained from ICT and broadband services include reducing time wastage, energy and cost. More so, it can also become an enabler in the economic development of the society," he added.

Dato' Sri Ahmad Shabery also expressed hope that more success stories involving individuals who benefitted from the broadband and ICT services such as that of seaweed farmer Kabilah Hassan can be further highlighted.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Kabilah who hails from Kunak, Sabah was recently recognized by the YAB Prime Minister as an online seaweed entrepreneur who successfully multiplied her income as a result of using broadband services under the government's 1Malaysia Internet Centre (PI1M) programme.

Modeled from the success of PI1M which is operated by the Malaysia Communications and Multimedia Commission (MCMC), SK Telecom introduced the latest technology and content application that will allow residents in Kuala Tomani especially the youths and students to reap the full benefits from the education-based and entrepreneurship software amongst others.

Meanwhile, MCMC Chairman, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi explained, the decision by SK Telecom to set up the Community Broadband Centre in Kuala Tomani was made after they were impressed with the series of programmes conducted in all the 1Malaysia Internet Centres nationwide.

[END]

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Penasihat Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Markus Lim Han King
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my